



MBSJ RAI

40 Anak Yatim dan Asnaf

> m/s 9



MBSJ TERIMA
LAWATAN
PENANDAARASAN
ANTARABANGSA
BANDARAYA
HAMYANG-GUN
COUNCIL, KOREA

> m/s 3



MBSJ TERIMA DATUK BANDAR KE-3:

*Tekad Menangani Isu
Penduduk MBSJ*

> m/s 12

ISI KANDUNGAN

MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN ANTARABANGSA BANDARAYA HAMYANG-GUN COUNCIL, KOREA	3	MBSJ TERIMA DATUK BANDAR KE-3: TEKAD MENANGANI ISU PENDUDUK MBSJ	12	INISIATIF HIJAU BAGI MENYELAMATKAN BUMI	26
4,000 KUPON PLATS RAHMAH BERNILAI RM5.00 DIEDAR DI BAZAR RAMADAN USJ 4, SUBANG JAYA	4	MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MBSJ 2023	14	MBSJ BERTINDAK TEGAS KEPADA PEMILIK BENGKEL LORI TANPA LESEN PERNIAGAAN DAN PENDIRIAN STRUKTUR TANPA KEBENARAN	27
200 PENGUNJUNG TERAWAL SOKONG KEMPEN BEBAS PLASTIK TERIMA KUPON MAKANAN RM10.00	4	RUMAH TERBUKA JELAJAH KITA SELANGOR AIDILFITRI DAERAH PETALING	16	MBSJ PASTIKAN KELANCARAN URUSAN PILIHANRAYA NEGERI TAHUN 2023	28
12 KELUARGA DISANTUNI DALAM PROGRAM ZIARAH KASIH RAMADAN MBSJ TAHUN 2023	5	MBSJ RUNTUH STRUKTUR HARAM ATASI MASALAH SALIRAN TERSUMBAT	17	BINAAN HARAM SUKARKAN PENYELENGGARAAN PUNCA BAU BUSUK	29
PROGRAM WALKABOUT HIGH PROFILE POLICING YDH KETUA POLIS DAERAH SERDANG	5	MBSJ ANJUR SESI PENGENALAN DAN LATIHAN PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM [SISPA] KEPADA AHLI MAJLIS DAN PEMBANTU AHLI MAJLIS	17	PELANCARAN GARIS PANDUAN PUSAT JAGAAN, RAWATAN IBU SELEPAS BERSALIN DAN BAYI DI NEGERI SELANGOR	30
PROJEK NAIK TARAF SKATE PARK USJ 1 TAWAR RUANG RIADAH UNTUK SUKAN EKSTREM	6	54 KAKITANGAN SERTA KEM INOVASI DAN PEMBANGUNAN KREATIVITI MBSJ 2023	18	SUBANG JAYA SKATEBOARD CHAMPIONSHIP 2023	32
MBSJ ANJUR SESI LATIHAN DAN KONFIGURASI FASA III [PEGAWAI PENYIASAT] TINGKAT KEFAHAMAN SISTEM SISPA-PBT	7	PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN	19	FORUM PENGURUSAN ANJING TERBIAR SELANGOR 2023 PERKASA TINDAKAN DAN KAWALAN ANJING TERBIAR PBT	33
MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN [MBJ] MEDIUM PENYAMPAIAN IDEA TINGKAT PRESTASI ORGANISASI	8	PERHIMPUNAN BULANAN PERTAMA DATUK BANDAR KE-3 MBSJ	19	NAIK TARAF GELANGGANG BOLA KERANJANG DI TAMAN REKREASI BANDAR KINRARA	34
MBSJ RAI 40 ANAK YATIM DAN ASNAF DALAM PROGRAM RAMADAN MENYANTUNI ANAK YATIM DAN ASNAF	9	MBSJ TERIMA HONDA CIVIC 1.5L V TAMBAH BAIK URUSAN RASMI MAJLIS	20	PROGRAM SELAMAT PAGI SUBANG JAYA MBSJ	34
BENCANA RIBUT DI PUCHONG, MBSJ DAN KERAJAAN NEGERI BERTINDAK PANTAS BANTU PENDUDUK	10	3 PASUKAN MBSJ BERTANDING MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR [MPIPANS] TAHUN 2023	20	PERHIMPUNAN BULANAN JUN 2023	36
MBSJ KONGSI KESEMBERAN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA BERSAMA AGENSI KESELAMATAN	11	PASUKAN FUTSAL MAKSAT SELANGOR MENANG BERGAYA DALAM KEJOHANAN FUTSAL MAKSAT KEBANGSAAN	21	MBSJ RANGKUL TEMPAT KEDUA ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG [APPC] 2023	37
		PUSPANITA DAERAH PETALING MENANG TEMPAT KETIGA DALAM ACARA RERUI TERCANTIK	21	DATUK BANDAR @ MHI TV3 MENGULAS "ISU PARKIR... SAMPAI BILA?"	38
		10 WARGA MBSJ TERIMA ANUGERAH PINGAT JASA KEBAKTIAN [P.J.K.]	22	MBSJ TUTUP KILANG PEMROSESAN AYAM DAN KILANG PERABOT BEROPERASI TANPA LESEN	38
		DATUK BANDAR TURUN PADANG TINJAU KEADAAN SEKITAR KAWASAN SS12-SS17	22		
		MBSJ SOKONG INISIATIF PENCEGAHAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER SERVIKS	23		



SIDANG REDAKSI

PENAUUNG:

Tn. Hj. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, s.m.s.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, a.m.n., a.m.s.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, a.m.s.
Pengerah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengerah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrin Hanief bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman



MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN ANTARABANGSA **BANDARAYA** **HAMYANG-GUN COUNCIL, KOREA**



Majlis Bandaraya Subang Jaya berbesar hati menerima kunjungan dari delegasi Hamyang-Gun Council, Korea pada 4 April 2023 yang lalu.

Lawatan ini telah diketuai oleh Mr. Park Yong Un, Chairman of Hamyang-Gun Council dan para delegasi telah dibawa melawat ke sekitar kawasan Ibu Pejabat MBSJ serta Pusat Kawalan Subang Jaya.

Para delegasi telah diberi pendedahan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya [MBSJ] oleh YBrs. Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Semoga perkongsian dan informasi yang diperolehi melalui lawatan antarabangsa ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi.





4,000 KUPON PLATS RAHMAH

BERNILAI RM5.00 DIEDAR DI BAZAR RAMADAN USJ 4, SUBANG JAYA



Sebanyak 4,000 kupon PLATS RAHMAH bernilai RM5.00 telah diedarkan kepada pengunjung di Bazar Ramadan USJ 4, Subang Jaya pada 9 April 2023 yang lalu. Inisiatif yang buat julung kalinya diperkenalkan oleh Platform Selangor (PLATS) dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan sistem pembayaran tanpa tunai.

YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah sudi berkunjung ke Bazar Ramadan MBSJ USJ 4 untuk mengedarkan kupon

tersebut kepada pengunjung bazar. Turut serta bersama beliau adalah, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan), YBrs. Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Puan Hajah Norita binti Mohd Sidek, YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya dan Ketua Pegawai Eksekutif, Menteri Besar Selangor Incorporated.

Dato' Menteri Besar Selangor



juga berkesempatan melawat sekitar bazar termasuk stesen kitar semula minyak masak terpakai serta inisiatif terkini

bazar MBSJ iaitu pengumpulan makanan lebihan bazar bagi tujuan amal melalui syarikat 'What A Waste' (WAW).

200 PENGUNJUNG TERAWAL SOKONG KEMPEN BEBAS PLASTIK

TERIMA KUPON MAKANAN RM10.00



Seramai 200 pengunjung terawal yang membawa bekas makanan sendiri di Bazar Ramadan MBSJ Bandar Kinrara 5 tersenyum gembira apabila menerima kupon makanan bernilai RM10.00 yang boleh ditukarkan untuk membeli juadah berbuka puasa.

Majlis penyampaian kupon ini telah disampaikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara semasa Program *Walkabout Bazar Ramadan MBSJ* yang telah berlangsung pada 4 April 2023.



Objektif pemberian kupon ini adalah sebagai inisiatif melestarikan alam sekitar melalui pembudayaan kempen bebas plastik di kalangan pengunjung Bazar Ramadan MBSJ serta kempen sayangi bumi.

Sebanyak 100 kupon disumbangkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya manakala 100 lagi daripada pejabat Ahli Dewan Negeri Kinrara.



Dalam majlis yang sama, beliau juga turut menyampaikan sumbangan kepada 30 masjid dan surau sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM34,000.00 yang akan dimanfaatkan bagi pelaksanaan program berbuka puasa dan pelbagai aktiviti lain.

12 KELUARGA DISANTUNI DALAM PROGRAM *Ziarah Kasih Ramadan* MBSJ TAHUN 2023



MBSJ telah berkolaborasi bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Subang Jaya dan AEON BIG Subang Jaya dalam membawakan keceriaan kepada 12 buah keluarga terpilih yang kurang berkemampuan bagi menyambut Hari Raya pada tahun ini.

Pada 5 April 2023, YBrs. Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Encik Chia Yew Ken, Ahli Majlis MBSJ Zon 1 bersama Puan Lee Jen Uyun, Ahli Majlis MBSJ Zon 3 telah menyantuni keluarga terpilih di 2 lokasi yang berbeza iaitu di RPKR Blok A-F, Jalan SS19, Subang Jaya [6 Keluarga] dan juga di Pangsapuri Court 4, USJ 8, Subang Jaya [6 Keluarga].

Hadir sama adalah Encik Ramacantiran a/l M. Ananthan, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Subang Jaya dan Encik Ganesan a/l Verappan, wakil dari pihak AEON Big Subang Jaya.

Keluarga terpilih telah menerima sumbangan bakul makanan serta wang tunai bernilai RM200.00.

Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam membuat persiapan perayaan pada kali ini.



PROGRAM WALKABOUT HIGH PROFILE POLICING YDH KETUA POLIS DAERAH SERDANG



YDH ACP A. A. Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang bersama Puan Nik Zalina binti Megat Muda, Pengarah Jabatan Pelesenan MBSJ telah meninjau Tapak Bazar Ramadan MBSJ PUJ 3, Taman Puncak Jalil pada 5 April 2023 serta telah mengedarkan Borang Balik Kampung sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan berkesempatan beramah mesra bersama peniaga dan pengunjung bazar ramadan.

Selain beramah mesra, program ini juga dilaksanakan dengan tujuan memberi penerangan dan nasihat kepada masyarakat untuk bersama-sama mencegah jenayah.

Sebagai makluman, program ini juga turut dihadiri Ketua-Ketua Bahagian IPD Serdang, Ketua-Ketua Polis Balai, Pegawai Kanan Polis, Skwad Aman Wanita (AMANITA) IPD Serdang serta pegawai MBSJ.

PROJEK NAIK TARAF SKATE PARK USJ 1 TAWAR RUANG RIADAH UNTUK SUKAN EKSTREM



Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Selangor telah melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan taman papan selaju di Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya. Majlis Penyerahan Rasmi Taman Papan Selaju USJ 1 ini telah disempurnakan pada 6 April 2023 bertempat di Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya.

Majlis penyerahan secara rasmi ini telah disaksikan oleh YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya. Turut serta bersama beliau, Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Ahli Majlis MBSJ bersama pegawai Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Kerja-kerja penaiktarafan yang telah dimulakan sejak 14 November 2022 dan siap sepenuhnya pada 22 Mac 2023 yang lalu menggunakan peruntukan daripada Majlis Sukan Negeri Selangor dengan kos sebanyak RM95,500.00.



Adalah diharapkan, fasiliti yang telah ditambah baik ini akan digunakan dengan sebaiknya dalam mengembangkan bakat

sukan ekstrem ini khususnya di kalangan generasi muda masa kini.



MBSJ ANJUR SESI LATIHAN DAN KONFIGURASI FASA III [PEGAWAI PENYIASAT] TINGKAT KEFAHAMAN SISTEM SISPAA-PBT



Bagi memantapkan lagi kefahaman kakitangan mengenai Sistem Pengurusan Aduan Awam Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (SISPAA-PBT), MBSJ telah menganjurkan Sesi Latihan dan Konfigurasi Fasa III [Pegawai Penyiasat] Sistem Pengurusan Aduan Negeri Selangor.

Sesi latihan ini telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 05 - 06 April 2023 bertempat di Laman Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Sesi latihan ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Rozaimi Mohamad Shah dari Unit Teknologi Maklumat, Biro Pengaduan Awam Putrajaya dan telah dihadiri oleh wakil-wakil jabatan MBSJ.

Adalah diharapkan dengan sesi latihan ini dapat meningkatkan kefahaman kakitangan seterusnya melancarkan lagi proses pengurusan aduan MBSJ.





MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN [MBJ] MEDIUM PENYAMPAIAN IDEA TINGKAT PRESTASI ORGANISASI



Warga kerja yang dinamik dan efisien merupakan tonggak bagi sesebuah organisasi dan komunikasi 2 hala yang baik penting dalam memastikan pengurusan organisasi berjalan dengan lancar.

Justeru itu, pada 7 April 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ, telah berlangsung Mesyuarat Bersama Jabatan yang dihadiri oleh kesemua wakil Jabatan MBSJ.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tn. Hj. Mohd Zulkurnain

bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan semasa mesyuarat berlangsung, pelbagai isu telah dibincangkan terutama melibatkan skim perkhidmatan dan perjawatan, kebajikan, pentadbiran dan hal-hal lain.

Diharapkan dengan mesyuarat ini menjadi medium komunikasi 2 hala untuk kakitangan menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.



MBSJ RAI 40 ANAK YATIM DAN ASNAF

DALAM PROGRAM RAMADAN MENYANTUNI ANAK YATIM DAN ASNAF



Sinar kegembiraan jelas terpancar di mata 40 anak yatim dari Pusat Jagaan Baitul Hidayah termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Asnaf apabila MBSJ meraikan mereka dalam Program Menyantuni Anak Yatim dan Asnaf bersempena bulan Ramadan 1444h pada 8 April 2023 bertempat di Mydin Mall, Subang Jaya. Program ini direalisasikan hasil kolaborasi strategik MBSJ bersama Mamee Double Decker [M] Sdn. Bhd. serta Mydin Subang Jaya.

MBSJ bersama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam [PUSPANITA] MBSJ, Majlis

Bersama Jabatan [MBJ] MBSJ serta Kelab Sukan dan Kebajikan MBSJ telah meraikan mereka semua melalui pembelian kelengkapan Aidilfitri bernilai RM200.00 serta menerima duit Hari Raya bernilai RM50.00. Mereka juga menerima produk barangan keluaran terbaharu dari rakan sinergi Mamee Double Decker [M] Sdn. Bhd.

YBrs. Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut serta meluangkan masa menyantuni mereka serta menyampaikan sumbangan duit raya.



Turut hadir adalah Ahli Majlis MBSJ dan para pegawai MBSJ.



BENCANA RIBUT

DI PUCHONG, MBSJ DAN KERAJAAN NEGERI BERTINDAK PANTAS BANTU PENDUDUK



Angin kencang serta hujan lebat yang berlaku sejak 3.40 petang pada 8 April 2023 telah menyebabkan 3 lokasi iaitu Pangsapuri Puchong Permai, Pangsapuri Puchong Perdana serta Perumahan PKNS Batu 14, Puchong Selangor mengalami kerosakan bumbung kediaman/bangunan.

Dalam kejadian ribut yang sama, MBSJ turut menerima 61 kes dahan patah/pokok tumbang melibatkan 13 kes di Subang Jaya dan 48 kes di kawasan Puchong, Selangor.

Sehubungan dengan itu, MBSJ selaku Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan segera dengan menyalurkan bantuan kecemasan melalui Pasukan PANTAS MBSJ ke lokasi kejadian.

Pihak MBSJ telah mengambil tindakan proaktif dengan mengatur kerja-kerja pembersihan sisa

pecahan bumbung *asbestos*, *fascia board* dan kayu-kayu kerangka bumbung serta memasang kanvas sementara untuk menghalang air masuk ke rumah ketika hujan.

Kerja-kerja pembaikan kekal telah diteruskan dengan menggantikan bumbung *metaldeck* yang baharu bagi kawasan bocor tersebut dan kerja-kerja telah disiapkan selewat-lewatnya 10 hari sebelum Aidilfitri menjelma.

MBSJ juga turut melaksanakan kerja-kerja pembersihan pokok tumbang di lokasi yang terlibat bencana secara berperingkat dengan bantuan Pasukan PANTAS MBSJ serta kontraktor landskap MBSJ.



**KOS KERJA-KERJA PEMBAIKAN
RM456,710.50**

Pihak MBSJ juga turut mendapatkan kerjasama agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) bagi membantu mangsa-mangsa yang terlibat.

Kejadian bencana ini juga turut mendapat perhatian Kerajaan Negeri di mana mangsa bencana menerima bantuan kewangan RM500.00 bagi membantu mereka membuat persiapan menyambut raya.

Prihatin dengan nasib mangsa yang terlibat, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara juga menyumbangkan baucar barangan keperluan asas berjumlah RM200.00 kepada 50 penghuni rumah yang terjejas ribut di Kampung Batu 13, Puchong sebagai usaha membantu menampung perbelanjaan mangsa.



SEBELUM



SEMASA



SELEPAS





Suatu kegembiraan perlu dikongsi bersama terutama apabila menjelangnya hari perayaan. Menyedari kepentingan mengukuhkan hubungan sesama agensi, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengunjungi serta menyampaikan kuih raya kepada 3 agensi keselamatan iaitu Balai Bomba dan Penyelamat [Zon Petaling], Ibu pejabat Polis Daerah Serdang serta Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya pada 12 April 2023 yang lalu.

Penyerahan kuih raya ini adalah sebagai tanda penghargaan MBSJ terhadap pengorbanan anggota keselamatan yang bertugas sepanjang musim perayaan pada tahun ini.

Dalam program ini, Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik bersama Encik

Muhammad Zaki bin Yusoff, Pengarah Jabatan Penguatkuasa mewakili pihak pengurusan tertinggi MBSJ telah hadir ke semua agensi keselamatan tersebut bagi sesi serahan ini.

Dalam kunjungan ke Ibu Pejabat Polis Subang Jaya, wakil pengurusan MBSJ sempat beramah mesra bersama YDH ACP Wan Azlan bin Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya seterusnya menyampaikan kuih raya. Turut

serta bersama beliau adalah SUPT Mohd Fairus bin Jaafar, Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya serta pegawai-pegawai polis IPD Subang Jaya.

Adalah diharapkan melalui program ini dapat mengukuhkan hubungan sesama agensi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.





MBSJ TERIMA DATUK BANDAR KE-3:

Tekad Menangani Isu Penduduk MBSJ



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima Datuk Bandar yang baharu berkuat kuasa pada 2 Mei 2023 yang lalu menggantikan YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Mantan Datuk Bandar MBSJ yang telah dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah UPEN Negeri Selangor.

YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim telah mengangkat sumpah menjadi Datuk Bandar ke-3 MBSJ dalam Upacara Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watakah pada 3 Mei 2023 yang lalu bertempat di Ibu Pejabat MBSJ yang disaksikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MBSJ.

Dalam ucapannya, beliau bertekad untuk meneruskan momentum kecemerlangan MBSJ berbekalkan pengalaman kerja beliau sebelum ini.

“

Insya-Allah, dengan pelantikan ini saya akan cuba sedaya upaya meneruskan legasi kecemerlangan yang telah dibawa oleh MBSJ sebelum ini. Berbekalkan pengalaman yang saya ada, sedikit sebanyak di peringkat daerah selama 4 tahun, sebagai Pegawai Daerah di Hulu Selangor dan juga pentadbiran dan perbandaran di Sepang dan juga di Ampang Jaya, di Sepang selama 1 tahun 8 bulan, di Ampang Jaya selama 2 tahun 8 bulan 1 hari, semua lebih kurang 4 tahun lebih. Berbekalkan pengalaman itu, insya-Allah dengan bantuan dan sokongan daripada ahli majlis dan pegawai serta kakitangan MBSJ, saya yakin MBSJ akan terus mampan dan lestari.

”

Beliau yang merupakan mantan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya [MPAJ] juga bertekad untuk memfokuskan isu penduduk dan mengamalkan konsep menangani masalah sebelum menerima aduan. Beliau juga mengharapkan semua warga kerja MBSJ tetap fokus dan dapat bekerja dengan penuh efisien dan berintegriti.





MAJLIS SA *Hari Raya* MBSJ





MBUTAN Aidilfitri 2023



RUMAH TERBUKA

Jelajah

#KitaSelangor

Aidilfitri

DAERAH PETALING

11 DISTRICTS
 AND COMMUNITIES

17 PARTNERS
 FOR THE GOALS



MBSJ RUNTUH STRUKTUR HARAM ATASI MASALAH SALIRAN TERSUMBAT



Sebanyak 13 premis di Jalan Puteri 2/3 dan Jalan Puteri 2/4, Bandar Puteri, Puchong telah dikenakan tindakan peruntuhan struktur tambahan yang dibina tanpa kebenaran di lorong belakang dalam satu operasi bersepadu MBSJ bersama pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, Kumpulan Darul Ehsan Waste Management (KDEBWM) dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 16 pada 25 Mei 2023 yang lalu.

Operasi bersepadu tersebut dilaksanakan dalam usaha MBSJ untuk menangani permasalahan sistem saliran tersumbat lanjutan daripada kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan yang tidak dapat dilaksanakan secara sempurna oleh pihak KDEBWM kerana binaan tanpa kebenaran tersebut.

Dalam operasi tersebut, MBSJ telah mengambil tindakan tegas dengan meruntuhkan stor dan sambungan lain yang dibuat di atas longkang



dan seterusnya pihak KDEBWM menggunakan *water jetter* dan *Catch Basin Cleaner* (CBC) untuk membersihkan serta menyedut kotoran dalam longkang.

Tindakan penguatkuasaan ini diambil oleh pihak MBSJ mengikut Seksyen 46 dan Seksyen 70, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] melibatkan kesalahan mendirikan struktur atau halangan di tempat awam tanpa kebenaran.

MBSJ akan terus membuat pemantauan berkala di setiap kawasan komersial dan menyeru pemilik premis supaya tidak membuang sisa masakan ke dalam longkang selain tidak membina apa-apa struktur di atas permukaan longkang



bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan.



SEBELUM



SEMASA



SELEPAS

MBSJ ANJUR SESI PENGENALAN DAN LATIHAN PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) KEPADA AHLI MAJLIS DAN PEMBANTU AHLI MAJLIS



MBSJ telah mengadakan Sesi Pengenalan dan Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) MBSJ kepada Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis.

Program ini telah dilaksanakan pada 10 Mei 2023 yang lalu bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Taklimat telah disampaikan oleh En. Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik.

Adalah diharapkan dengan sesi penerangan ini dapat memantapkan lagi kefahaman Ahli Majlis serta Pembantu Ahli Majlis mengenai Sistem Pengurusan Aduan Negeri Selangor (SISPAA-PBT) seterusnya dapat menambahkan penyelarasan, penyaluran dan pengurusan aduan awam yang lebih baik kepada masyarakat.



54 KAKITANGAN SERTAI KEM

INOVASI DAN PEMBANGUNAN KREATIVITI MBSJ 2023



Dalam usaha melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif, MBSJ telah menganjurkan Kem Inovasi dan Pembangunan Kreativiti MBSJ Tahun 2023 pada 10-12 Mei 2023 bertempat di The Straits Hotel & Suites, Melaka.

Seramai 54 orang kakitangan Majlis yang terpilih, telah menyertai kem tersebut. Semua peserta telah dilatih untuk menghasilkan

idea-idea yang kreatif agar dapat diadaptasikan dalam amalan dan budaya kerja seharian mereka. Selain itu, kem ini juga turut menggilap kemahiran mereka dalam mencetus kreativiti dan meningkatkan ketrampilan diri.

Sebanyak 17 inovasi baharu telah berjaya dihasilkan semasa kem berlangsung hasil perbincangan mendalam mengenai bidang tugas



dan fungsi jabatan masing-masing.

Usaha ini sedikit sebanyak telah dapat memberi panduan kepada semua yang terlibat dan seterusnya MBSJ untuk melahirkan lebih ramai

kakitangan yang berfikir kreatif dan inovatif selaras dengan hasrat Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 9) dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada masyarakat.

BIL.	JABATAN	KUMPULAN	TAJUK PROJEK
1.	Korporat dan Pengurusan Strategik	Corp Dynamic	Kaedah Pengurusan Pemantauan Prestasi Bandaraya Dengan Mengaplikasi Integrasi Kaedah Pemantauan
2.	Korporat dan Pengurusan Strategik	DE Academy	Smart Flood Detector 2.0
3.	Perancangan Bandar	D'Planners	Greenhouse Gas Inventory Management System (GIMS)
4.	Teknologi Maklumat	PHP	Aplikasi Pusat Penempatan Sementara (APPS)
5.	Undang-Undang	MELEX	Lex With Us
6.	Pembangunan Masyarakat	Community Agent Team (CAT)	Modul Ekonomi Komuniti Pintar (MEKOP)
7.	Pelesenan	Penggerak Ekonomi Inklusif Bandar (PEIB)	Kompleks Membeli Belah yang tidak mendapat sambutan (Under Utilise)
8.	Unit Integriti dan Audit Dalam	Integer	Integrity Champion
9.	Penguatkuasaan	Enforcement To Future (E2F)	Sistem IPMAS
10.	Hasil	RM Ventures	Evolution of Bill Assessment Tax (EBAT)
11.	Korporat dan Pengurusan Strategik	Mediascapes Triumph	Subang Jaya Coffee Talk
12.	Kesihatan	K9 Dog Net	Canine Dog
13.	Pengurusan Alam Sekitar	2LAS	Masalah Pelupusan Sisa Kelapa
14.	Landskap	D' INNOSCAPE	Organic Waste Recycling Plant (OWRP)
15.	COB	COBIANS	Perniagaan Dalam Pembangunan Berstrata
16.	Khidmat Pengurusan	ASDET	Kesukaran Mengenalpasti Kedudukan Aset Alih
17.	Perbendaharaan	FWALLS	E-Book

PERLAWANAN BOLA SEPAK *Persahabatan*



Perlawanan persahabatan di antara Pasukan Pilihan YB Wong Chen, Ahli Parlimen Subang menentang Pasukan Pilihan YBhg. Datuk Johari Abdul, Speaker Dewan Rakyat telah diadakan pada 16 Mei 2023 bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya. Kedua-dua Yang Berhormat telah turut sama beraksi dalam perlawanan ini dan mengetahui pasukan masing-masing.

YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ turut meluangkan masa ke perlawanan ini. Turut serta bersama beliau adalah

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Tahniah diucapkan kepada semua pemain yang telah mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang perlawanan berlangsung dan semoga aktiviti sihat seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan.

PASUKAN PILIHAN
**SPEAKER
DEWAN
RAKYAT**



PASUKAN PILIHAN
**AHLI
PARLIMEN
SUBANG**



Perhimpunan Bulanan Pertama **DATUK BANDAR KE-3 MBSJ**



Buat julung kalinya, YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menghadiri Perhimpunan Bulanan MBSJ bagi Bulan Mei 2023 yang telah dihoskan secara bersama oleh 3 Jabatan MBSJ iaitu Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Pusat Setempat [QSC] dan Jabatan Sekretariat Pesuruhjaya Bangunan [COB] pada 17 Mei 2023 bertempat di Arena MBSJ.

Dalam ucaptamanya pada perhimpunan kali ini, beliau



telah mengingatkan kakitangan untuk menekankan kepentingan bekerja dalam suasana harmoni serta sentiasa proaktif dalam menangani isu aduan. Beliau juga mengharapkan kakitangan MBSJ sentiasa berusaha untuk



memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti di pentadbiran MBSJ.

Di kesempatan ini juga, beliau turut mengucapkan Selamat Hari Pekerja dan Selamat Hari Raya kepada seluruh warga MBSJ. Beliau juga turut meluangkan masa untuk berjumpa dan menyantuni warga kerja MBSJ yang sama-sama hadir dalam perhimpunan tersebut.

MBSJ TERIMA HONDA CIVIC 1.5L V

Tambah Baik Urusan Rasmi Majlis



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima kenderaan Honda Civic 1.5L V dalam satu majlis penyerahan kenderaan yang telah berlangsung pada 17 Mei 2023 bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya.

Encik Firdaus bin Mohamed, Pengarah Syarikat Shared Auto Cars Sdn. Bhd. telah menyerahkan kenderaan model Honda Civic 1.5L V kepada YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut serta bersama beliau adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bersama Tuan Ir. Rosli bin Muhammad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ.

Dalam majlis tersebut, Datuk Bandar MBSJ telah berkesempatan menguji cuba aset baharu yang akan digunakan sebagai kereta rasmi peronda dan pengiring trafik penguatkuasa Jabatan Penguatkuasa MBSJ.



3 PASUKAN MBSJ BERTANDING

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR (MPIPANS) TAHUN 2023



Pasukan D'Planners



Corp Dynamic



Pasukan Text Ranger

Sebanyak 3 pasukan Majlis Bandaraya Subang Jaya bertanding di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2023.

MBSJ yang diwakili oleh pasukan Corp Dynamic, D'Planners dan Text Ranger telah mempersembahkan idea inovasi mereka semasa sesi penilaian yang telah berlangsung selama 3 hari bermula daripada 15 Mei 2023 sehingga 19 Mei 2023 bertempat di Bilik Gerakan Annex, Tingkat 2, Bangunan Dewan Undangan Negeri, Shah Alam.

Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah memberikan sepenuh komitmen dan adalah diharapkan kejayaan bakal menjadi milik MBSJ.

Sebagai makluman, Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 ini merupakan salah satu strategi bagi mendorong warga kerja di Negeri Selangor bagi memperkenalkan cara kerja baharu yang lebih cekap dan berkesan serta menghasilkan output

dan outcome yang mempunyai impak tinggi dan konvensyen ini dilaksanakan setiap tahun.

Konvensyen ini turut memberi ruang dan peluang kepada kumpulan-kumpulan KIK peringkat Jabatan/ Agensi untuk mempersembahkan hasil cetus idea kreatif dan inovatif masing-masing demi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam khususnya di negeri Selangor ke tahap yang membanggakan.



PASUKAN FUTSAL MAKSAT SELANGOR MENANG BERGAYA

DALAM KEJOHANAN FUTSAL
MAKSAT KEBANGSAAN



Pada 18 - 21 Mei 2023 yang lalu, pasukan MAKSAT Selangor yang turut dibarisi pemain-pemain dan pegawai pasukan MBSJ telah menyertai kejohanan Futsal MAKSAT Peringkat Kebangsaan bertempat di Gelanggang Futsal KSL Puchong Utama.

Dalam kejohanan tersebut, pasukan Lelaki MAKSAT Selangor telah berjaya merangkul kejuaraan buat kali ke-6 berturut-turut menewaskan pasukan MAKSAT Terengganu. Pasukan itu berjaya menewaskan pasukan Terengganu dalam perlawanan berlarutan ke

penentuan sepakan penalti yang berkesudahan 3-2.

Seterusnya, bagi pasukan Wanita MAKSAT Selangor hanya mampu merangkul kedudukan Naib Juara setelah tewas kepada pasukan MAKSAT Sabah dengan

jaringan penalti 5-6 setelah seri dua sama pada perlawanan sepenuh masa.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada kedua-dua pasukan yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam kejohanan kali ini.



PUSPANITA Daerah Petaling *Menang Tempat Ketiga*

DALAM ACARA RERUAI TERCANTIK



Membawakan konsep reruai rumah kampung tradisional, PUSPANITA MBSJ yang mewakili PUSPANITA Daerah Petaling telah berjaya memenangi tempat ketiga dari 10 daerah yang bertanding bagi acara Reruai Tercantik semasa Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri PUSPANITA Negeri Selangor yang berlangsung pada 19 Mei 2023 yang lalu bertempat di Dewan Banquet, Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.

Pasukan ini telah menerima hadiah kemenangan berupa wang tunai sebanyak RM300.00 yang telah disampaikan oleh YABhg. Puan Masdiana binti Muhamad, Penaung PUSPANITA Negeri Selangor.

YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut berkesempatan meluangkan masa hadir ke reruai ini serta beramah mesra bersama mereka yang terlibat pada hari tersebut.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua ahli PUSPANITA MBSJ yang telah berusaha keras mengindahkan reruai tersebut sehingga berjaya memenangi anugerah.



10 WARGA MBSJ TERIMA ANUGERAH PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)



Majlis Bandaraya Subang Jaya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada 10 orang penerima pingat kebesaran bersempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor ke-77.

Istiadat pengurniaan pingat telah disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mewakili Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di Dewan Jubli Perak, Shah Alam pada 22 Mei 2023 yang lalu.

Syabas dan tahniah diucapkan sekali lagi kepada 10 orang yang terpilih iaitu:

BIL.	NAMA	JABATAN
1.	Encik Fazlin Irwan bin Sulong	Jabatan Kesihatan
2.	Puan Nordiana binti Othman	Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
3.	Puan Siti Aisyah binti Mohd Hailani	Jabatan Perbendaharaan
4.	Puan Fadzliyatul Azira binti Abu Samah	Jabatan Hasil
5.	Puan Hamizah binti Mat Pehee	Jabatan Penguatkuasaan
6.	Puan Azlinda binti Hashim	Jabatan Penguatkuasaan
7.	Puan Zakiah binti Yusop	Jabatan Perancangan Bandar
8.	Encik Ahmad Jais bin Sahdan	Jabatan Kejuruteraan
9.	Encik Hairul Naim bin Misnan	Jabatan Penguatkuasaan
10.	Puan Noor Haya binti Ratib	Jabatan Khidmat Pengurusan

DATUK BANDAR TURUN PADANG TINJAU KEADAAN SEKITAR KAWASAN SS12-SS17



krar beliau untuk menangani aduan sebaiknya sememangnya terbukti apabila YBr. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya telah bersikap responsif terhadap aduan yang dikemukakan dengan turun padang meninjau sendiri permasalahan di tapak di sekitar kawasan SS12 - SS17, Subang Jaya pada 26 Mei 2023 yang lalu.

Hasil tinjauan yang dilakukan, terdapat beberapa aduan yang telah dikenalpasti seperti permasalahan kerja-kerja pembersihan sampah, penyelenggaraan infrastruktur serta tindakan penguatkuasaan di tapak.





MBSJ SOKONG INISIATIF

Pencegahan Dan Pengesanan Awal Kanser Serviks



Penyakit kanser merupakan penyakit berbahaya dan pencegahan awal penting bagi menyelamatkan nyawa. Menyedari hakikat tersebut, Majlis Bandaraya Subang Jaya sentiasa memberi sokongan penuh terhadap usaha pencegahan awal kanser seperti program yang dianjurkan oleh Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC), ROSE Foundation dan SJ Echo iaitu Program Ujian Saringan Kendiri Pangkal Rahim (HPV PCR).

Program ini telah diadakan pada 27 Mei 2023 bertempat di

Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya, USJ 8 dengan objektif untuk mencegah serta membuat pengesanan awal kanser serviks.

Semasa program berlangsung, para peserta telah diberikan kit untuk membuat saringan sendiri pangkal Rahim (HPV PCR) secara percuma serta turut diberikan taklimat mengenai kesedaran kanser serviks oleh Dr. Matin Melor, Doktor Pakar Onkologi dari Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC).



Semoga usaha murni ini dapat meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai penyakit kanser seterusnya dapat mengambil tindakan pencegahan bagi mengelakkan penyakit ini.



WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN APRIL - JUN 2023

April

MPP
ZON 2



15.4.2023 (SABTU)
MAJLIS BERBUKA PUASA DI SURAU NUR IMAN
SURAU NUR IMAN PJS 11

MPP
ZON 3



8.4.2023 (SABTU)
PROGRAM MASAK BUBUR LAMBUK
SURAU AT-TAQWA COURT 6

MPP
ZON 4



2.4.2023 (AHAD)
ZIARAH KASIH
PANGSAPURI ANGSANA

MPP
ZON 5



12.4.2023 (RABU)
PENGEDARAN BUAH KURMA DAN BUBUR LAMBUK- PANGSAPURI ANGKAT
PANGSAPURI SRI KAYAN

MPP
ZON 6



10.4.2023 (ISNIN)
ZIARAH KASIH RAMADAN MPP 6 KERJASAMA MPP 8
KAMPUNG KENANGAN

Mei

MPP
ZON 7



14.5.2023 (AHAD)
PROGRAM SAMBUTAN HARI WESAK
PUTRA HEIGHT

MPP
ZON 8



13.5.2023 (SABTU)
PROGRAM SUMBANGAN DUIT RAYA
BALAI MASYARAKAT MPP ZON 8



MPP
ZON 9



11.5.2023 ((KHAMIS)
TOTAL BODY TONING
BALAI MASYARAKAT MPP ZON 9



MPP
ZON 10



4.5.2023 (KHAMIS)
SAMBUTAN HARI WESAK
JALAN LAYANG-LAYANG 5



MPP
ZON 11



21.5.2023 (AHAD)
SAMBUTAN HARI IBU
KUIL TK 1

Jun

MPP
ZON 12



24.6.2023 (SABTU)
PROGRAM KEMPEN KESEDARAN DENGGI BERSAMA PKD
PETALING, JAB. KESIHATAN MBSJ & MPKK KG. SERI AMAN
LORONG BISTARI 8 DAN JLN BISTARI KG SERI AMAN

MPP
ZON 13



4.6.2023 (AHAD)
PROGRAM PANGSAPURI ANGKAT PEMERIKSAAN MATA PERCUMA
BALAI MASYARAKAT JALAN PERDANA 4/2A

MPP
ZON 16



4.6.2023 (AHAD)
SUMBANGAN PRIHATIN
PANGSAPURI SERI BEGONIA

MPP
ZON 17



3.6.2023 (SABTU)
SUMBANGAN AYAM MENTAH KEPADA PENDUDUK PANGSAPURI ANGKAT
PANGSAPURI SERI PULAI

MPP
ZON 18



4.6.2023 (AHAD)
PERTANDINGAN BOLA SEPAK
PADANG DAMAI UTAMA



INISIATIF HIJAU BAGI MENYELAMATKAN BUMI



MBSJ dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 1 MBSJ telah menganjurkan Program Penanaman Semula 'Tea Trees' pada 3 Jun 2023 yang lalu bertempat di laluan pejalan kaki Jalan SS15/4, Subang Jaya, Selangor.

Program ini merupakan satu usaha MBSJ dalam penghijauan serta melestarikan bumi bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2023.

YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang bersama YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya dan Encik Chia Yew Ken, Ahli Majlis MBSJ turut meluangkan masa menyertai

program tersebut. Turut serta, agensi lain seperti Balai Polis Subang Jaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Subang Jaya serta kakitangan MBSJ.

Adalah diharapkan usaha ini dapat diteruskan dari masa ke masa agar bumi dapat dipelihara untuk generasi akan datang.



MBSJ BERTINDAK TEGAS

KEPADA PEMILIK BENGKEL LORI TANPA LESEN PERNIAGAAN
DAN PENDIRIAN STRUKTUR TANPA KEBENARAN



Sebuah bengkel lori yang beroperasi tanpa kebenaran MBSJ di belakang pangsapuri SS13/1, Subang Jaya telah diruntuhkan dalam satu operasi yang telah dilaksanakan pada 6 Jun 2023 yang lalu.

MBSJ telah merobohkan struktur tanpa kebenaran tersebut setelah Notis Perobohan Serta Merta dikeluarkan di bawah Seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] kerana membabitkan kesalahan mendirikan struktur atau halangan di tempat awam.

Pemilik premis turut dikenakan tindakan perundangan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Petaling di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara [KTN] kerana menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran.

Pelbagai barangan bengkel kenderaan seperti tong gas, jet hidraulik, pemotok besi dan pelbagai peralatan termasuk besi buruk turut disita dalam operasi tersebut.

Selain itu juga, beberapa struktur lain seperti garaj kereta, reban ayam, stor simpanan barangan kereta turut dirobuhkan. MBSJ juga turut membuat sitaan 2 kenderaan terbiar dan tong roto yang digunakan untuk menyimpan barangan kitar semula.



MBSJ PASTIKAN KELANCARAN URUSAN PILIHANRAYA NEGERI TAHUN 2023



Pada pilihanraya negeri ke-15 kali ini, MBSJ akan menguruskan sebanyak 4 Dewan Undangan Negeri [DUN] iaitu N28 Seri Kembangan, N29 Seri Serdang, N30 Kinrara dan N31 Subang Jaya.

Susulan daripada penetapan DUN tersebut, MBSJ telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan bagi Penempatan Pusat Penamaan Calon dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi bagi DUN N28, N29, N30 dan N31 bagi memastikan kelancaran urusan pilihanraya yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Selain itu juga, para Taklimat Petugas Pilihanraya Umum Dewan Negeri Selangor Ke-15 turut dilaksanakan bermula 19 Jun sehingga 21 Jun 2023. Taklimat telah disampaikan mengikut lokasi yang ditetapkan seperti berikut:


- i. N28 Seri Kembangan - Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah
- ii. N29 Sri Serdang - Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah
- iii. N30 Kinrara - Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7
- iv. N31 Subang Jaya - Dewan Serbaguna Kompleks 3K Subang Jaya

Adalah diharapkan dengan perancangan yang teliti dan serta pengurusan yang teratur, Proses Pilihanraya Ke-15 Dewan Undangan Negeri Selangor Tahun 2023 ini dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna tanpa sebarang insiden yang tidak dingini berlaku.





BINAAN HARAM SUKARKAN PENYELENGGARAAN PUNCA BAU BUSUK



Bau busuk yang menusuk hidung di sekitar Jalan USJ 1/19 dan Jalan USJ 1/20, Taman Subang Permai, Subang, Selangor akhirnya berkurangan apabila MBSJ telah mengambil tindakan dengan meruntuhkan binaan haram yang dibina di atas sistem saliran di lokasi tersebut pada 7 Jun 2023 yang lalu.

Operasi tersebut berjaya dilaksanakan dengan kerjasama jabatan dalaman MBSJ bersama dengan Kumpulan Darul Ehsan Waste Management [KDEBWM]. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj Yeop, Ahli Majlis Kawasan Zon 4 MBSJ turut serta dalam operasi tersebut.

Dalam operasi pada kali ini, pihak KDEBWM telah bekerjasama dengan MBSJ melaksanakan operasi bersepadu dengan memecahkan halangan dan mencuci sisa kotoran terkumpul yang tidak dapat dibersihkan sebelum ini.

Sebanyak 25 premis komersial telah diambil tindakan dipecahkan slab/penutup lorong tanpa izin di bawah Seksyen 72(5) [6], Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] selepas pemilik premis tersebut gagal mematuhi arahan Notis Pemberitahuan Serta Meruntuh Dan Mengosongkan



Bangunan yang telah dikeluarkan terdahulu.

Selain itu, dalam operasi ini juga 3 premis makanan [Restoran] telah diarahkan tutup serta merta dan dikenakan Notis Tawaran Kompau [NTK] atas kesalahan di bawah Seksyen 5(2), Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan [Majlis Bandaraya Subang Jaya] 2007 kerana penyediaan makanan dalam premis kotor, Seksyen 9(f) Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan [Majlis Bandaraya Subang Jaya] 2007



kerana pengendali makanan tiada suntikan Vaksin Anti-Tifoid [Ty2] dan Seksyen 34(1) UUK PEM MBSJ 2007 kerana premis tidak menjalankan tindakan kawalan makhluk perosak.

Pemilik premis diingatkan untuk tidak membuang sisa masakan



MBSJ ke dalam longkang dan tidak membina apa-apa struktur di atas permukaan longkang bagi kepentingan bersama dan MBSJ akan melaksanakan operasi ini dari masa ke masa bagi memastikan arahan dipatuhi.



Pelancaran GARIS PANDUAN RAWATAN IBU SELATAN DAN BAYI DI NEGERI

08 Jun 2023 (Khamis)
9.30 Pagi - Tengah hari
Empire Ballroom, Empire Hotel, Subang Jaya

YBRS. TUAN MOHD FAUZI
BIN MOHD VATIM, M.A.S.
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Subang Jaya

YB TUAN NG SZE HAN

Pengerusi Majlis Kerajaan
Tempatan, Awam dan
Pembangunan Negeri Selangor

YB PUAN DR. NIK ZALINA
MEGAT MUSA
Pengerusi Jawatankuasa
Kesihatan Awam, Perumahan
dan Pembangunan Wanita
Keluarga Negeri Selangor

Majlis Bandaraya Subang Jaya

YB PUAN DR. NIK ZALINA
MEGAT MUSA

Pengerusi Jawatankuasa
Kesihatan Awam, Perumahan
dan Pembangunan Wanita
Keluarga Negeri Selangor

Majlis Bandaraya Subang Jaya

Majlis Bandaraya Subang Jaya

Majlis Bandaraya Subang Jaya

Majlis Bandaraya Subang Jaya

Majlis Bandaraya Subang Jaya

Majlis Bandaraya Subang Jaya

Majlis Bandaraya Subang Jaya



BOOK LAUNCHING CEREMONY PUSAT JAGAAAN, LEPAS BERSALIN NEGERI SELANGOR



**SILA IMBAS KOD
QR UNTUK MEMUAT
TURUN e-BOOK**

GARIS PANDUAN PENUBUHAN PUSAT
JAGAAAN, RAWATAN IBU SELEPAS
BERSALIN DAN BAYI NEGERI SELANGOR



Garis Panduan Penubuhan Pusat Jagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi Negeri Selangor telah dilancarkan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor semasa

berlangsungnya Seminar Garis Panduan Pusat Jagaan, Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi Negeri Selangor pada 8 Jun 2023 yang lalu bertempat di Hotel Empire, Subang Jaya.

Buku garis panduan yang dilancarkan ini merangkumi

pelbagai aspek serta syarat pelaksanaan yang menyentuh aspek perancangan, rekabentuk, aktiviti dan kemudahan yang perlu disediakan oleh pengusaha.

Ianya akan menjadi panduan khusus untuk para pengusaha pusat jagaan dan rawatan

ibu selepas bersalin dan bayi di Negeri Selangor bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan baik dan terurus serta mengikut prosedur yang ditetapkan.

SUBANG JAYA SKATEBOARD CHAMPIONSHIP 2023



Buat julung kalinya, Pejabat ADUN Subang Jaya dan Ameen's Skateshop dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya, MPP ZON 4 MBSJ serta Penggerak Belia Selangor [PeBS] telah mengadakan 'Subang Jaya Skateboard Championship 2023' bertempat di Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya dalam usaha mencungkil bakat-bakat terpendam warga skateboard di Subang Jaya pada 10 Jun 2023.

Sebanyak 3 kategori dipertandingkan kali ini iaitu kategori terbuka, kategori wanita serta kategori kanak-kanak yang menawarkan hadiah kemenangan keseluruhan berjumlah RM4,810.00.

YB Tuan Adam Adli bin Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan turut berkesempatan hadir bagi menyempurnakan program tersebut. Turut hadir adalah YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Majlis Perwakilan Penduduk [MPP] Zon 4 merangkap Ahli Majlis MBSJ.

Terima kasih kepada semua yang hadir dan peserta yang telah mengambil bahagian dalam acara sukan ekstrem ini. Tahniah buat semua para pemenang!





FORUM PENGURUSAN ANJING TERBIAR SELANGOR 2023

PERKASA TINDAKAN DAN KAWALAN ANJING TERBIAR PBT



Menyedari pengurusan haiwan terbiar bukannya terletak di bahu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja, Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) telah menganjurkan Forum Pengurusan Anjing Terbiar Selangor 2023 pada 12 Jun 2023 yang lalu bertempat di Hotel Empire, Subang Jaya.

Penganjuran sesi libat urus ini bukan hanya terhad kepada PBT sahaja, bahkan MBSJ turut menjemput NGO, komuniti dan agensi-agensi terlibat dalam pengurusan anjing terbiar seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam memberi peluang kepada mereka untuk menyuarakan pandangan mengenai pengurusan haiwan terbiar di Negeri Selangor.

Hasil kaji selidik MBSJ bersama PBT, NGO, rumah perlindungan haiwan terbiar, komuniti penduduk dan orang awam sebelum ini mendapati antara cabaran utama termasuklah mengawal populasi anjing terbiar serta pengurusan kebajikan haiwan terbabit.

Justeru itu, pandangan serta cadangan membina bagi pengurusan

haiwan terbiar penting bagi mengelakkan pelbagai permasalahan seperti risiko wabak bawaan anjing terbiar seperti Rabies. Antara cadangan yang diterima semasa program berlangsung adalah menggalakkan program pengambilan haiwan peliharaan (*pet adoption*) seperti anjing dan kucing terbiar di pusat-pusat penjagaan dan pengurusan serta mewujudkan 'Fur Shelter' untuk haiwan terbiar bagi memastikan kebajikan haiwan terbiar ini terpelihara.

Dalam program yang sama juga turut diadakan Majlis Penyerahan Jaring Tangkapan Anjing dan YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor kepada Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, Pengarah Jabatan Kesihatan MBSJ sebagai simbolik perasmian.

Adalah diharapkan dengan penganjuran forum ini akan dapat melahirkan satu resolusi terbaik selaras dengan misi MBSJ untuk mewujudkan serta mengurus bandar raya dengan persekitaran sejahtera, kondusif dan inklusif untuk semua pihak.





NAIK TARAF GELANGGANG BOLA KERANJANG DI TAMAN REKREASI BANDAR KINRARA



Dalam usaha memberi keselesaan kepada penduduk setempat, Majlis Bandaraya Subang Jaya akan menaik taraf gelanggang bola keranjang di Taman Rekreasi Jalan BK 3/2, Bandar Kinrara, Selangor.

Kerja-kerja penaiktarafan tersebut dianggarkan bernilai RM500,000.00 dan kerja-kerja pelaksanaannya dijangka bermula pada bulan Ogos 2023.

YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor bersama pegawai teknikal MBSJ sempat melakukan tinjauan di lokasi tapak projek tersebut pada 13 Jun 2023.

Kerja-kerja pembinaan ini dijangka siap dalam tempoh 3 bulan dan gelanggang ini akan dilengkapi dengan bumbung yang membolehkan aktiviti bola keranjang dimainkan walaupun semasa hari hujan.

Selain gelanggang bola keranjang, taman rekreasi seluas tiga ekar itu turut menempatkan taman permainan kanak-kanak, gelanggang futsal dan padang bola sepak.



PROGRAM

SELAMAT PAGI SUBANG JAYA



Seawal 7.00 pagi lagi, orang ramai telah berkumpul membanjiri Persiaran Kemajuan, Subang Jaya bagi menyertai program Selamat Pagi Subang Jaya yang dianjurkan pada setiap minggu pertama setiap bulan.

Namun kali ini, kemeriahan program turut dirasakan oleh YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ yang baharu dilantik apabila beliau turut sama turun padang menyertai program ini.

Di antara program menarik yang dilaksanakan pada hari tersebut antaranya seperti kayuhan, larian dan jalan santai, aktiviti senamrobik, Kejohanan Run Bike, Pertandingan Street Soccer, acara senamrobik, aktiviti memanah,

Selamat Pagi

MBSJ

Selamat Pagi

SUBANG JAYA

HARI TANPA KENDERAAN



abseiling & rappelling, pesta sarapan pagi serta aktiviti terbaru Basket Ball Tournament. Selain itu juga, terdapat reruai pameran keselamatan dan kesihatan turut disediakan bagi memberi kesedaran serta menyebarkan informasi kepada masyarakat setempat. Pengunjung juga turut berpeluang memenangi cabutan bertuah di akhir program berlangsung.

Diharapkan aktiviti yang diadakan dapat memberi manfaat kepada pengunjung yang hadir di samping menyahut aspirasi negara bebas karbon melalui penyertaan program Selamat Pagi Subang Jaya yang dianjurkan ini. Jom sertai kami di bulan-bulan seterusnya akan datang.





PERHIMPUNAN BULANAN JUN 2023



Perhimpunan MBSJ bagi Bulan Jun 2023 telah berlangsung pada 19 Jun 2023 bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya yang telah dihoskan oleh Jabatan Kesihatan, MBSJ.

Majlis perhimpunan kali ini telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohamed Hussin, Timbalan Setiausaha MBSJ serta ketua-ketua jabatan serta warga kerja MBSJ.

Istimewanya perhimpunan pada kali ini, ianya diadakan bersempena meraikan persaraan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, Pengarah Jabatan Kesihatan MBSJ (telah berkhidmat sejak tahun 2005) serta turut memperkenalkan Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid, Pengarah Jabatan Audit Dalam MBSJ yang baharu.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pasukan Futsal MAKSAS Selangor Lelaki dan Wanita yang telah

memenangi Kejohanan Futsal MAKSAS peringkat kebangsaan serta PUSPANITA MBSJ mewakili Daerah Petaling juga yang telah memenangi tempat Ketiga dalam Acara Reruai Tercantik Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Selangor.



KLUSTER PIHAK BERKUASA TEMPATAN



TEMPAT KEDUA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC)
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2023



MBSJ Rangkul Tempat Kedua Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) 2023



Pastinya penat lelah warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya terbalas apabila MBSJ diumumkan merangkul Tempat Kedua [Kluster Pihak Berkuasa Tempatan] bagi Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor semasa Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam dan Pemimpin Masyarakat Bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 23 Jun 2023 bertempat di

Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor.

Anugerah tersebut telah diterima oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Pada tahun ini, 43 agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri telah dinilai di mana

ianya melibatkan 3 komponen utama iaitu pematuhan, kualiti dan perkhidmatan teras.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan pengurusan MBSJ dan seluruh warga kerja MBSJ atas kejayaan dan komitmen yang telah diberikan. Semoga kejayaan ini akan menjadi langkah permulaan menuju kepada lebih banyak pencapaian yang gemilang pada masa akan datang.



DATUK BANDAR @

MENGULAS "ISU PARKIR... SAMPAI BILA?"



SILA IMBAS KOD QR
UNTUK MENONTON RAKAMAN
TEMUBUAL DATUK BANDAR DALAM
RANCANGAN MALAYSIA HARI INI TV3



MBSJ TUTUP KILANG PEMROSESAN AYAM DAN KILANG PERABOT BEROPERASI TANPA LESEN



Sebuah kilang memproses ayam serta kilang perabot tanpa lesen telah ditutup oleh MBSJ dalam satu operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor pada 25 Jun 2023 di Kampung Sri Aman, Puchong, Selangor. Seramai 35 anggota penguatkuasa MBSJ dan 9 orang pegawai Jabatan Imigresen Negeri Selangor telah terlibat dalam operasi tersebut.

Dalam operasi yang dilakukan pada waktu tengah malam, kilang pemrosesan ayam tersebut didapati tidak berlesen serta keadaan kilang berada dalam keadaan kotor di mana penyimpanan ayam tidak dilakukan dengan sempurna serta terdapat banyak najis serta darah ayam di lantai.

Jabatan Imigresen Negeri Selangor juga telah menahan seramai 33 orang warga asing yang disyaki melanggar Akta Imigresen 1959 atas kesalahan tiada permit yang sah serta menyalah guna permit dalam operasi tersebut.





AHAD
*MINGGU KE-2
SETIAP BULAN

*Ketetapan minggu program adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa

**Hari
Tanpa
Kenderaan**

SUBANG JAYA

7:00 Pagi Hingga 11:00 Pagi



Hadapan AEON BIG Subang Jaya
& Subang Parade

**Pelbagai aktiviti menarik untuk disertai!
Jom datang beramai-ramai!**



Rakan Acara :



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my



Bayaran Tanpa Tunai

Tempat Letak Kereta
**ZON PARKIR
2 JAM MBSJ**



MUAT TURUN APLIKASI SEKARANG



**AWAS
AEDES**

Pembawa Denggi

Amalkan:



Jaga
kebersihan



10 minit hapuskan
tempat pembiakan
Aedes



Tiada tempat
air bertakung



Hapuskan Aedes, Cegah Denggi

JELASKAN

CUKAI TAKSIRAN

SEGERA sebelum atau pada
31 OGOS 2023

PENGGAL KEDUA

**ELAKKAN HARTA ANDA
DARIPADA DISITA**



✓ **Tiada lagi pengeposan Bil Cukai Taksiran**

Semak dan muat turun Bil Cukai Taksiran di

ezy.mbsj.gov.my 🔍

atau Imbas Kod QR



Sila Hubungi:

03-8026 3286/4316/7470/7466/3285



unit-cukai@mbsj.gov.my



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua
bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan
kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.